

15/05/2004

Super Hornet pastikan ruang udara lebih selamat

By Azmi Md Deros

CADANGAN pembelian jet pejuang Super Hornet FA-18F bagi melengkapkan skuadron Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dilihat mampu memperkukuhkan lagi kedudukan sistem pertahanan udara negara.

Selaras dengan program pemodenan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang turut membabitkan ketiga-tiga cabang pertahanan negara, iaitu udara, laut dan darat, pembelian pesawat baru yang keupayaannya serangannya jauh lebih baik sememangnya menjadi satu keperluan.

Pembelian pesawat berkenaan juga akan melengkapkan lagi prasarana pertahanan udara Malaysia yang kini menggunakan beberapa jenis pesawat pejuang, termasuk Mig-29, Hornet FA-18D dan F-5E, manakala pesawat Sukhoi SU30MKM yang menjadi kebanggaan TUDM bakal diterima mulai 2006.

Dari segi fizikal, Super Hornet FA-18F adalah berasaskan pesawat FA-18D. Bagaimanapun, ia sudah mengalami pelbagai pembaharuan bagi membolehkan keupayaannya dipertingkatkan, termasuk dari segi kemampuan enjin dan keupayaan penerbangan bagi memantapkan misi serangannya.

Jika dibandingkan dengan FA-18D, Super Hornet lebih panjang 1.83 meter daripada pesawat jenis lama itu, manakala sayapnya pula 25 peratus lebih panjang, selain mampu membawa 33 peratus lebih minyak, sekali gus membolehkan jarak dan tempoh penerbangan dilanjutkan.

Ia juga mampu membawa 8,032 kilogram (kg) bebanan, termasuk peluru berpandu yang ditempatkan di 11 stesen di luar badannya, selain dilengkapi radar udara ke udara yang sesuai untuk semua jenis cuaca serta sistem kawalan khusus bagi membolehkan peluru berpandu dihantar tepat ke sasaran.

Bagi pesawat Hornet lama, ia hanya dilengkapi sembilan stesen menempatkan peluru berpandu.

Pada bahagian muncung pesawat Super Hornet juga boleh dipasang meriam M61A1 Vulcan 20mm.

Dari segi enjin, pesawat baru itu dijana enjin jenis F414-GE-400, berbanding pesawat lama yang menggunakan enjin F404. Penggunaan enjin baru itu membolehkan kuasa pesawat berkenaan meningkat 35 peratus yang turut disumbangkan oleh pemasangan injap udara yang lebih besar bagi menambah kapasiti udara yang dialirkan ke dalam enjin, sekali gus menjadikan pembakaran lebih cekap.

Dari segi sejarah, idea menghasilkan Super Hornet tercetus pada 1992 apabila Pejabat Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat mengarahkan dicipta satu pesawat pejuang yang lebih canggih untuk pelbagai misi dicipta, sehingga terhasilnya pesawat pertama pada 1995 dan melalui pelbagai ujian.

Pada 2000, Tentera Laut Amerika Syarikat mengesahkan keberkesanan pesawat itu dalam menjalankan operasi dan mula diperkenalkan di atas kapal pengangkut.

Isu pembelian Super Hornet timbul apabila Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak pada Mei 2002 mengesahkan syarikat pengeluar pesawat itu, Boeing membuat tawaran secara rasmi kepada Malaysia berhubung pembelian jet berkenaan.

Tun Dr Mahathir Mohamad (ketika itu Perdana Menteri) juga dilaporkan berkata, Malaysia mahu membeli pesawat pejuang Super Hornet itu secara tukar beli.

Dr Mahathir ketika itu dilaporkan berkata, Washington menyatakan jet pejuang terbaru itu tidak pernah diluluskan untuk dijual kepada negara lain.

Difahamkan mengikut rundingan dengan Boeing itu, jika Malaysia bersetuju

dengan pembelian secara tukar beli itu, syarikat itu akan mengambil lapan pesawat FA-18D yang digunakan TUDM sekarang dan digantikan dengan jet FA-18F yang lebih canggih.

Jet FA-18F yang 25 peratus lebih besar berbanding FA-18D mampu melaksanakan fungsi serangan udara ke udara, udara ke darat dan serangan maritim dengan keupayaan lebih berkesan. Jika cadangan pembelian itu menjadi kenyataan, Malaysia juga akan membeli sistem persenjataan bagi memastikan keberkesanan pesawat berkenaan melaksanakan tiga fungsi utama itu.

Keperluan memiliki pesawat pejuang Super Hornet turut diakui Panglima TUDM, Jeneral Datuk Nik Ismail Nik Mohamed yang berpendapat pesawat itu mampu memantapkan operasi pasukan berkenaan.

"Kita anggap ia pesawat yang baik berdasarkan penggunaan pesawat pejuang Hornet F18D yang digunakan sekarang.

"Jadi Super Hornet lebih baik daripada F18D, bagaimanapun ia bergantung kepada kemampuan kerajaan," katanya.

(END)